

# **Penguasaan Pengetahuan Isi Kandungan Subjek: Implikasi Kepada Pendidikan Pelajar Program Sukan Dan Rekreasi UKM**

oleh

**Norlena Salamuddin  
Mohd Taib Harun**  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **ABSTRAK**

*Pendidikan jasmani merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di peringkat sekolah menengah di Malaysia. Mata pelajaran ini diajar selama 11 tahun meliputi aspek-aspek kemahiran, rekreasi, pengelolaan sukan dan kesihatan. Walaupun program pendidikan jasmani di peringkat Sarjana Muda banyak dikendalikan oleh universiti-universiti awam tempatan, terdapat pelajar yang tidak mengetahui apakah isi kandungan subjek yang bakal mereka pelajari. Ada yang beranggapan bahawa pengkhususan dalam pendidikan jasmani banyak melibatkan kelas-kelas praktikal di luar bilik darjah yang melibatkan aspek pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai jenis sukan. Sewajarnya, kelas-kelas seperti ini penting bagi bakal-bakal guru pendidikan jasmani. Namun, bagi meningkatkan martabat profesion guru pendidikan jasmani, mereka juga perlu mempunyai asas-asas yang kukuh dalam bidang sains sukan. Seringkali, pelajar kurang bersedia untuk matapelajaran-matapelajaran ini. Artikel ini membincangkan kajian mengenai pengetahuan isi kandungan subjek yang dilakukan keatas pelajar program Pendidikan Sukan dan Rekreasi di UKM.*

## **Pengenalan**

Program Sarjana muda Pendidikan Sukan dan Rekreasi di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengambil pelajar kumpulan pertamanya pada sesi 1998/99. Sehingga kini, Fakultiti Pendidikan telah mengambil lima kumpulan pelajar bagi program tersebut. Program Pendidikan Sukan dan Rekreasi diwujudkan bertujuan untuk membentuk tenaga manusia yang profesional dalam bidang Sukan dan Rekreasi. Matlamat program ini adalah untuk menyediakan tenaga profesional seperti guru, pensyarah, jurulatih dan pentadbir yang cekap dalam bidang Sukan dan Rekreasi. Kebanyakan (80%) lulusan Program Sukan dan Rekreasi ini kini berkhidmat sebagai guru pendidikan jasmani di sekolah-sekolah menengah diseluruh Malaysia.

Pendidikan jasmani merupakan salah satu matapelajaran teras di sekolah-sekolah di Malaysia. Ianya diajar selama 11 tahun yang merangkumi aspek-aspek kemahiran sukan, rekreasi, pendidikan sukan serta kesihatan. Menurut Lawson dan Placek (1996), pendidikan jasmani yang diajar disekolah perlu merangkumi 8 aspek iaitu, perkembangan

motor, anatomi kinesiologikal, biomekaniks, fisiologi latihan, kesihatan, pedagogi sukan, psikologi sukan serta pekembangan dan kawalan motor. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas, kesemua aspek-aspek tersebut ada diterapkan dalam tunjang pembelajaran pendidikan jasmani dan kesihatan di Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Pengetahuan isikandungan subjek adalah penting bagi pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang sains sukan. Pengetahuan isi kandungan subjek sains sukan boleh didefinisikan secara langsung sebagai pengetahuan tentang isi kandungan subjek-subjek yang merangkumi mata pelajaran sains sukan seperti subjek anatomi, kinesiologi, pengurusan serta pentadbiran sukan. Mempunyai pengetahuan isi kandungan subjek bererti pelajar dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam subjek-subjek disekolah menengah kepada subjek-subjek sains sukan.

### **Latar belakang kajian**

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak persoalan yang menjurus serta memfokus kepada persoalan bagaimanakah cara terbaik untuk mendidik bakal-bakal pendidik. Pendidik guru telah mula mengalihkan pandangan/usaha mereka daripada mengkaji tentang bagaimana guru belajar dan mengimplementasikan tingkahlaku pengajaran yang berkesan kepada menganalisis apa yang guru tahu dan bagaimana guru mengetahui isi kandungan subjek yang diajarnya (Cochran-Smith & Lytle, 1999). Perubahan ini juga telah mempengaruhi bidang pendidikan khusus bagi guru-guru pendidikan jasmani serta persoalan yang timbul tentang pendidik dan pendidikan jasmani. Salah satu soalan yang sering diajukan ialah, apakah guru yang baik tahu mengenai isi kandungan, kurikulum serta pedagogi dalam bidangnya? Kajian ini ingin memenuhi ruang yang kosong tentang pengetahuan isi kandungan subjek dikalangan guru-guru pelatih dalam bidang pendidikan jasmani yang kurang dikaji.

Mengajar disifatkan sebagai transmisi pengetahuan dari seorang individu ke individu atau kumpulan yang lain. Untuk mengajar bererti seseorang itu perlu mempunyai ilmu pengetahuan. Bermula dari kajian-kajian oleh Shulman (1986, 1987), ramai pendidik hari ini tertanya-tanya apakah sebenarnya yang paling penting dalam pengajaran. Kajian-kajian yang dilakukan di Stanford (Marks 1990, Shulman & Grossman 1987) dan di Michigan State University (Ball & McDiarmid 1990, Feiman-Nemser & Parker 1990) mengenai pemerolehan serta pengaplikasian ilmu pengetahuan guru menunjukkan bahawa banyak lagi yang perlu diterokai dalam bidang ini.

Penyediaan isi kandungan subjek dalam mengajar pendidikan jasmani di sekolah-sekolah menengah merupakan satu arena yang berpotensi untuk dijadikan kajian kes. Pengajaran pendidikan jasmani sehingga kini banyak mengalah dan banyak dipengaruhi oleh pelbagai definisi, perspektif serta tradisi dalam program penyediaan guru pendidikan jasmani serta kemahiran dalam profesion pendidikan jasmani itu sendiri. Pada tahap yang tertinggi, ramai diantara pakar pendidikan jasmani merasakan bahawa mengajar pendidikan jasmani bukan hanya mengajar kemahiran untuk bermain. Ianya meliputi lebih dari itu.

Dalam konteks pengajaran pendidikan jasmani di sekolah, guru-guru perlu bersedia untuk mengajar megenai kesan senaman yang kerap ke atas badan manusia serta kaitan antara senaman dan kesihatan sepanjang hayat. Pelajar-pelajar juga perlu didedahkan kepada unsur-unsur asas fisiologi latihan serta kesan yang diperolehi hasil dari melakukan aktiviti senaman yang kerap. Keperluan untuk memulakan senaman yang kerap pada usia yang muda dan meneruskannya hingga dewasa adalah sesuatu yang perlu dititik beratkan dalam pengajaran pendidikan jasmani. Disamping itu, pelajar perlu juga didedahkan dengan nilai-nilai estetika serta kesedaran tentang nilai-nilai murni melalui pendidikan jasmani. Matlamat-matlamat pendidikan sepanjang hayat boleh dicapai sekiranya guru mempunyai asas pengetahuan isi kandungan subjek pendidikan jasmani yang kukuh yang merangkumi bidang-bidang perkembangan motor, anatomikal kinesiologi, biomekaniks, fisiologi latihan, kesihatan dan kecergasan, pedagogi sukan, psikologi sukan serta pembelajaran dan kawalan motor.

Para penyelidik dalam pendidikan jasmani kini mula menyedari peranan penting yang dimainkan oleh pengetahuan guru dalam mengembangkan ilmu pendidikan jasmani. Kajian-kajian diluar negara telah banyak dilakukan mengenai pemerolehan, pengembangan dan pembentukan pengetahuan oleh guru, terutamanya guru-guru dalam latihan (Doolittle, Schwager & Mitchell 1996, Gruber 1995, Rink, French, Lee, Solmon, & Lynn 1994, Rovegno 1992 & 1993, Schemp 1993). Jumlah serta kepelbagaiannya kajian mengenai pengetahuan guru pendidikan jasmani yang dilakukan kesemuanya menunjukkan betapa pentingnya peranan ilmu pengetahuan subjek dalam bidang pendidikan jasmani. Namun, kajian mengenai hal ini belum lagi dilakukan di Malaysia. Artikel ini mengkaji pengetahuan asas ilmu pendidikan jasmani yang dimiliki oleh guru-guru pelatih pendidikan jasmani di Universiti Kebangsaan Malaysia. Asas ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh guru-guru pelatih ini juga menjadi penunjuk apakah konsep tunjang pembelajaran pendidikan jasmani mencapai objektifnya.

## **Dapatan Kajian**

Seramai 176 soal selidik mengenai subjek pendidikan jasmani telah diedarkan kepada pelajar-pelajar Program Pendidikan Sukan dan Rekreasi Tahun 1, 2 dan 3 di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Walau bagaimanapun hanya 147 (43 – tahun 1, 44 – tahun 2, 60 – tahun 3) soal selidik sahaja yang diterima balik oleh penyelidik menjadi data bagi kajian ini. Soal selidik tersebut merangkumi dua bahagian; Bahagian A mengenai latar belakang sampel kajian manakala Bahagian B terdiri dari 50 soalan yang merangkumi bidang-bidang anatomi, biomekaniks, kejurulatihan, kecergasan, fisiologi senam serta soalan-soalan pengetahuan am mengenai sukan. Responden bagi kajian ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu responden yang mempunyai pengalaman sebagai guru pendidikan jasmani di sekolah dan responden yang tidak pernah mengajar pendidikan jasmani di sekolah.

Jadual 1 merujuk kepada pecahan jumlah responden yang memberi maklumbalas bagi kajian ini iaitu 43 responden dari Tahun 1, 44 responden dari Tahun 2 dan 60 responden dari Tahun 3. Dari jumlah keseluruhan responden ( $n=147$ ), seramai 44 responden mempunyai pengalaman mengajar pendidikan jasmani sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah. Manakala, selebihnya iaitu seramai 103 responden

tidak mempunyai pengalaman mengajar pendidikan jasmani di sekolah dan mereka ini merupakan pelajar yang memasuki program Pendidikan Sukan dan Rekreasi di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, sama ada melalui saluran Unit Pusat Universiti (kelulusan STPM atau matrikulasi) atau melalui saluran khas (kelulusan diploma).

Jadual 2 merujuk kepada peratus pengetahuan isi kandungan subjek pendidikan jasmani mengikut tahun pengajian. Pelajar-pelajar Tahun 3 mendapat peratus tertinggi bagi lima disiplin ilmu dalam pendidikan jasmani iaitu kinesiologi (66.82%), anatomi (64.17%), fisiologi senam (74.17%), kecergasan (60.23%), dan pengetahuan am mengenai sukan (59%). Manakala, pelajar-pelajar Tahun 2 memperolehi markah tertinggi bagi disiplin ilmu kejurulatihan (66.67%).

Melihat pada jadual 2, pelajar-pelajar tahun 3 mendapat peratus yang tertinggi dalam 5 disiplin ilmu. Ini memang telah dijangkakan memandangkan pelajar-pelajar ini telah didedahkan selama 3 tahun dalam disiplin ilmu pendidikan jasmani di universiti. Pelajar-pelajar tahun 1 dan 2 juga mempunyai peratus yang tidak jauh bezanya dengan pelajar tahun 3 mungkin disebabkan pendedahan ilmu sains di peringkat sekolah menengah dan matrikulasi. Memandangkan disiplin ilmu pendidikan jasmani berasaskan bidang sains (lebih dikenali sebagai sains sukan), pelajar-pelajar mampu mengaplikasikan apa yang diajar dalam subjek kimia, biologi dan fiziks kepada subjek sains sukan di universiti. Mungkin bagi kajian akan datang, penyelidik perlu meneliti latar belakang subjek sama ada dari aliran sastera atau aliran sains. Ini mungkin dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai pengetahuan isi kandungan subjek pelajar yang mengikuti program sains sukan.

Jadual 3 merujuk kepada peratus pengetahuan isi kandungan subjek mengikut pengalaman mengajar. Guru-guru yang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda ini mempunyai pengalaman mengajar subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan selama sekurang-kurangnya 3 tahun sama ada di sekolah menengah ataupun di sekolah rendah. Guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar mendapat peratus yang tinggi dalam 4 disiplin ilmu pendidikan jasmani iaitu anatomi (62.88%), kecergasan (56.82%), fisiologi senam (70.23%) dan pengetahuan am mengenai sukan (58.18%).

Merujuk kepada Jadual 3, pelajar-pelajar yang mempunyai pengalaman mengajar mendapat peratus tertinggi dalam 4 disiplin ilmu. Jika dilihat disiplin ilmu yang mendapat peratus tertinggi merupakan disiplin ilmu yang mungkin telah mereka pelajari sewaktu dimaktab-maktab perguruan.

### **Perbincangan dan rumusan**

Akar persoalan mengenai penguasaan isi kandungan subjek guru-guru adalah andaian yang menyatakan bahawa guru-guru yang lebih berpengetahuan mampu mengajar dengan lebih baik. Cochran-Smith dan Lytle (1999) menyatakan bahawa andaian di atas telah menyebabkan pelbagai usaha dilakukan bagi meningkatkan mutu pendidikan melalui akta-akta baru, penyelidikan serta focus kepada apa yang guru tahu dan apa yang guru sepatutnya tahu.

Penguasaan isi kandungan subjek dikalangan guru-guru pendidikan jasmani tidak banyak dilakukan di Malaysia. Kajian ini merupakan satu-satunya usaha untuk melihat adakah guru-guru pelatih pendidikan jasmani di Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai penguasaan isi kandungan subjek yang mantap bagi membolehkan mereka mengajar subjek tersebut dengan lebih berkesan.

Hasil kajian ini menunjukkan walaupun terdapat peningkatan dalam penguasaan isi kandungan subjek dikalangan guru-guru pelatih di Universiti Kebangsaan Malaysia, peratus yang diperolehi adalah hanya pada tahap sederhana dan tidak banyak perbezaan antara tahun-tahun pengajian. Faktor-faktor seperti pengalaman lepas dalam subjek-subjek hanya mirip dengan disiplin ilmu dalam pendidikan jasmani tidak diambil kira.

Kajian ini memberi penumpuan terhadap penguasaan isi kandungan subjek. Satu kajian mengenai pengetahuan isi kandungan pedagogi dikalangan guru-guru pendidikan jasmani perlu dilakukan bagi melihat sama ada terdapat perbezaan antara penguasaan isi kandungan dengan pengetahuan pedagogi dalam pendidikan jasmani. Kajian ini dapat mengukuhkan lagi kajian-kajian lepas mengenai keberkesanan pengajaran pendidikan jasmani sekiranya guru memiliki pengetahuan isi kandungan subjek yang kukuh.

## Rujukan

- Ball, D.L. & McDiarmid, G.W. 1990. The subject matter preparation of teachers. Dlm. W.R. Houston (pnyt), Handbook of Research on Teacher Education, New York: Macmillan, 437-449.
- Cochran-Smith, M. & Lytle, S. 1999. Relationships of knowledge and practice: Teachers learning in communities. Review of Research Education.
- Doolittle, S., Schwager, S. & Mitchell, M. 1996. Learning to teach: A longitudinal study of the development of knowledge about teaching. Research Quarterly for Exercise and Sports, A-79.
- Feiman-Nemser, S. & Parker, M.B. 1990. Making subject matter part of the conversation in learning to teach. Journal of Teacher Education, 41, 32-43.
- Graber, K.C. 1995. The influence of teacher education programs on the beliefs of student teachers: General pedagogical knowledge, pedagogical content knowledge, and teacher education course work. Journal of Teaching in Physical Education, 14, 157-178.
- Lawson, H.A. dan Placek, J.H. (1996) Physical education curricular alternatives. Allyn Bacon:Boston
- Marks, R. 1990. Pedagogical content knowledge: From a mathematical case to a modified conception. Journal of Teacher Education, 42, 3-11.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) Huraian sukan pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. PPK: Kuala Lumpur.
- Rink, J., French, K., Lee, A., Solmon, M. & Lynn, S.(1994). A comparison of pedagogical knowledge structures of pre-service students and teacher educators in two institutions. Journal og Teaching in Physical Education, 13, 140-162.

- Rovegno, I. 1992. Learning to teach in a field-based methods course: The development of pedagogical content knowledge. *Teaching and Teacher Education*, 8, 69-82.
- Rovegno, I. 1993. Content knowledge acquisition during undergraduate teacher education: Overcoming cultural templates and learning through practice. *American Educational Research Association*, 30, 611-642.
- Schemp, P.G. 1993. Constructing professional knowledge: A case study of an experienced high school teacher. *Journal of Teaching in Physical Education*, 13, 2-23.
- Shulman, L.S. & Grossman, P.L. 1987. Final report to the Spencer Foundation. Stanford, CA:School of Education, Stanford University.
- Shulman, L.S. 1986. Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15, 4-21.
- Shulman, L.S. 1987. Knowledge in teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57, 1-22.

## Lampiran

Jadual 1: Jumlah responden menurut tahun pengajian dan pengalaman sebagai guru pendidikan jasmani

		Tahun Pengajian			Jumlah
		1	2	3	
Pengalaman	Ada	8	13	23	44
	Tiada	35	31	37	103
Jumlah		43	44	60	147

Jadual 2: Peratus penguasaan isi kandungan subjek mengikut tahun pengajian

		Disiplin ilmu					
		Kinesiologi %	Anatomii %	Kejurulatihan %	Kecergasan %	Fisiologi senam %	Pengetahuan Am %
Tahun pengajian	1 n=43	63.64	63.18	66.17	53.49	63.18	47.44
	2 n=44	60.33	60.47	69.42	54.17	66.81	52.27
	3 n=60	66.82	64.17	66.67	60.23	74.17	59.00

Jadual 3: Peratus pengetahuan isi kandungan subjek mengikut pengalaman mengajar

		Disiplin ilmu					
		Kinesiologi %	Anatomii %	Kejurulatihan %	Kecergasan %	Fisiologi senam %	Pengetahuan Am %
Pengalaman	Ada n=44	63.43	62.88	67.34	56.82	70.23	58.18
	Tiada n=103	64.25	62.14	67.78	56.17	67.86	50.49